

Tindakan gugurkan silat

Pesaka resah sikap Mansoc

8. Harian (M)

Oleh RAHIME YUSOF

PERSEKUTUAN Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) tidak menduga Jawatankuasa Sukan SEA Manila '91 (Mansoc) terus bersikap dingin kerana enggan menyenaraikan silat olahraga pada temasya sukan terbesar Asia Tenggara, November depan.

Setiausaha Kerja Pesaka, Idris Johari, berkata keputusan Mansoc itu amat mengecewakan kerana mereka langsung tidak memikirkan hasrat majoriti pendokong silat di Asia Tenggara.

Negara pendokong silat ialah Malaysia, Singapura, Thailand, Brunei, Indonesia dan Filipina sendiri.

Menurutnya, langkah

Mansoc menyenaraikan acara angkat berat wanita pada Sukan SEA pula jauh bertentangan dengan hasrat sebenar negara peserta.

"Bagi kami keputusan Mansoc jelas tidak adil kerana berapa negara peserta saja yang mempunyai atlet angkat berat wanita.

"Lagi pun, kami difahamkan bahawa cadangan mereka menyenaraikan acara angkat berat wanita mendapat tentangan sewaktu perbincangan awal diadakan pada Sukan Asia Beijing, Oktober tahun lalu," katanya.

Bagi acara angkat berat wanita itu, sembilan pingat emas menjadi rebutan, manakala acara angkat berat lelaki pula

10 pingat emas.

Ini bermakna Malaysia awal-awal lagi kalah dalam persaingan ini kerana tidak ada peserta.

Idris berkata, pihaknya tidak menduga sama sekali bahawa senarai baru yang dihantar oleh Mansoc kepada Majlis Olimpik Malaysia (MOM), kelmarin silat masih diketepikan.

Katanya, jika Pesaka tidak melihat silat olahraga sebagai seni mempertahankan diri unggul di rantau ini yang perlu dipertahankan, ia tidak perlu dipujuk rayu lagi.

Bagi memastikan silat tersenarai semula, Presiden Pesaka, Tan Sri Haji Muhammad Haji Muhd Taib, dan Presiden MOM, Tan Sri Hamzah Abu Samah, sendiri ke Manila

pertengahan bulan lalu untuk berbincang dengan Presiden POC, Jose Siring, dalam usaha memujuk Mansoc.

Bagaimanapun, katanya, jika Mansoc menyenaraikan angkat berat wanita, penyertaan hanya terdiri dari Indonesia, Thailand dan Filipina saja.

"Kami harap keputusan terbaru Mansoc itu belum muktamad lagi. Jadi, adalah menjadi harapan Pesaka agar MOM terus memujuk POC dan Mansoc agar menyenaraikan silat, November depan," katanya.

Bagi juga, Ratcharnee Boonmered dari Thailand turut memenangi pingat perak di Beijing lalu.

22 MAR 1991